

Siri
3



سازمان اسلام ملaysia
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KONSEP **RAHMAH** DALAM **TADBIR URUS**

Datuk Mohamad Nordin Ibrahim

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM



KONSEP RAHMAH DALAM URUS TADBIR

DATUK MOHAMAD NORDIN IBRAHIM

Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

www.islam.gov.my

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2019

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan risalah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara lain sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara-cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 Putrajaya.

Pencetak:

Firdaus Press Sdn. Bhd.
No. 28, Jalan PBS 14/4
Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan, Selangor



KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH	iv
SEULAS PINANG	v
PENDAHULUAN	1
RAHMAH MENURUT PERSPEKTIF WAHYU	2
RAHMAH MENURUT SOROTAN KITAB TAFSIR	4
MANIFESTASI NILAI RAHMAH DALAM KEHIDUPAN	6
APLIKASI KONSEP RAHMAH DALAM URUS TADBIR	9
TUJUH KLUSTER PELAKSANA AGENDA RAHMAH DALAM PENTADBIRAN ISLAM	13
KONSEP NEGARA RAHMAH SELARI DENGAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI	15
PENUTUP	19
RUJUKAN	20

SEKAPUR SIRIH

YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof
Menteri di Jabatan Perdana Menteri




Alhamdulillah, saya merakamkan berbanyak kesyukuran pada Allah SWT kerana masih diberikan kesempatan untuk berada dalam nikmat Iman, Islam dan Ihsan. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan tabi'in RA.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua para penulis dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atas usaha menyiapkan buku ini. Buku Penjelasan Konsep Malaysia Negara Rahmah sebanyak 10 buah tajuk ini tampil memberi pencerahan tentang konsep *Rahmatan Lil 'Alamin* dalam pelbagai disiplin kehidupan dan prinsip kenegaraan. Buku ini padat dengan fakta ilmiah dan penghujahan berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadith menurut epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Saya mengharapkan agar buku ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak bagi menjelaskan konsep sebenar *Rahmatan Lil 'Alamin* yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia Baharu. Semoga harapan kita untuk memanifestasikan Malaysia Negara Rahmah menjadi kenyataan. Didoakan agar usaha ini juga menjadi amalan jariah untuk kita semua.





SEULAS PINANG

Datuk Mohamad Nordin bin Ibrahim

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)



Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya buku Penjelasan Konsep Malaysia Negara Rahmah dapat diterbitkan dengan jayanya.

Buku ini menghimpunkan 10 siri artikel yang ditulis oleh para ilmuan terpilih bagi menjelaskan konsep sebenar *Rahmatan Lil 'Alamin* yang diterapkan kerajaan. Ia membicarakan tentang Konsep *Rahmatan Lil 'Alamin* secara menyeluruh merangkumi konsep rahmah dalam kehidupan, pengurusan alam sekitar, tadbir urus, institusi keluarga, masyarakat majmuk, perundangan, sosioekonomi, pengurusan orang kelainan upaya (OKU), urusan muamalat, dan pengurusan institusi masjid. Uniknya, buku ini dikupas berdasarkan kepada dapatan kajian dan pengalaman para penulisnya sendiri.

Saya mengharapkan agar buku ini dapat dijadikan panduan dan rujukan bagi menjelaskan *Konsep Rahmatan Lil 'Alamin* kepada segenap lapisan masyarakat mengikut bahagian-bahagian yang ditulis. Semoga ia juga menjadi wacana dakwah yang berterusan untuk kita semua.

Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat bagi menjayakan penerbitan buku ini. *Jazakumullah khayral jazak.*

Sekian.

"Melebar Risalah Menyantuni Ummah"

Mohamad Nordin





PENDAHULUAN

Malaysia merupakan negara berbilang agama dan kaum, namun agenda pentadbiran dan pembangunan ummah dapat dijayakan secara harmoni hingga dapat membawa kemakmuran kepada rakyat dan negara. Kepelbagaiannya kaum, agama dan budaya di Malaysia bukanlah satu ancaman, tetapi satu anugerah yang tidak ternilai. Buktinya rakyat Malaysia boleh hidup dengan aman dan damai lebih 60 tahun dan pertukaran kerajaan berlaku dalam keadaan aman dan damai.

Sejak fajar Malaysia baharu menyinsing, Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan pelbagai dasar, gagasan dan pendekatan bagi menerapkan nilai-nilai murni dalam pentadbiran negara, merentas semua kementerian, agensi persekutuan dan negeri demi kesejahteraan rakyat.

Pengenalan pelbagai dasar, gagasan dan pendekatan ini adalah bertujuan untuk mewujudkan kehidupan yang sejahtera dalam kalangan rakyat pelbagai agama dan bangsa, memandu pentadbiran negara yang adil dan bertanggungjawab serta membentuk peribadi mulia dan minda yang bijaksana serta rahmah dalam mengurus dan mentadbir negara.

RAHMAH MENURUT PERSPEKTIF WAHYU

Kalimah ‘Rahmah’ di dalam al-Qur'an diulang-ulang lebih daripada 300 kali dan salah satunya daripada sepotong ayat Al-Qur'an, surah Al-Anbiyaa', ayat 107 bermaksud:

“Dan tidaklah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”

Menurut Ibn Al-Jawzi, kalimah Rahmah secara literal bermaksud kasih sayang dan mempunyai enam belas (16) maksud berdasarkan konteks ayat Al-Quran iaitu:


Syurga (Ali Imran : 107)	Nikmat (Maryam : 2)	Kesihatan (Al-Zumar : 38)	Keluasan (Ghafir : 7)
Islam (Ali Imran : 74)	Rezeki (Fathir : 2)	Pemberian (Al-An'am : 16)	Kasih Sayang (Al-Hadid : 27)
Iman (Hud : 63)	Hujan (Al-A'raf : 57)	Kehalusan (An-Nahl : 18)	Pemberian (Hud : 66)
Kenabian (Al-Sadd : 9)	Al-Quran (Al-Isra' : 82)	Pengampunan (Al-Baqarah : 286)	Cahaya (Al-Ahzab : 43)

Sesuai dengan lafaz *lil 'alamin*, konsep Rahmah ini bersifat universal yang merangkumi semua aspek kehidupan. Manifestasi Islam sebagai rahmat buat sekalian alam ditonjolkan oleh Nabi Muhammad SAW sebagai pesuruh Allah. Konsep Rahmah ini ditunjukkan oleh Nabi

SAW melalui komunikasi harian, perhubungan dengan masyarakat bukan Islam, hubungan diplomasi dengan negara luar dan rahmah kepada kanak-kanak, wanita, warga emas, anak yatim dan haiwan.

Hadith yang riwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Abu Hurairah RA katanya, bahawa aku mendengar Rasulullah SAW bersabda bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menjadikan rahmat (kasih sayang) itu 100 bahagian. Maka dipeganglah disisi-Nya 99 bahagian dan diturunkan-Nya satu bahagian untuk seluruh makhluk-Nya. Sekiranya orang kafir mengetahui setiap rahmat (kasih sayang) yang ada di sisi Allah, nescaya mereka tidak akan berputus asa untuk mendapatkan syurga, dan sekiranya orang Mukmin mengetahui setiap azab yang ada di sisi Allah, maka dia tidak akan (menganggap dirinya) aman daripada neraka.”



RAHMAH MENURUT SOROTAN KITAB TAFSIR

Menurut Imam Ibnu Kathir, Allah SWT menciptakan Nabi Muhammad SAW sebagai rahmat bagi seluruh alam bererti Allah SWT mengutuskan rahmat buat semua makhluk. Sesiapa yang menerima rahmat dan bersyukur, maka dia akan berbahagia di dunia dan di akhirat. Sesiapa yang ingkar kepada rahmat Allah SWT dan mengkufurnya, maka dia akan menempah kesusahan di dunia dan akhirat.


Menurut Sheikh Muhammad Ali As-Sobuni, *Rahmatan lil alamin* bertepatan dengan hadith riwayat Imam al-Bukhari bermaksud: “Sesungguhnya aku ialah rahmat yang dihadiahkan (diberi petunjuk) oleh Allah”. Rasulullah SAW diutus untuk menyelamatkan manusia dan mengeluarkan manusia daripada kesengsaraan kepada kebahagiaan.

Menurut Imam Al-Qurtubi, konsep *Rahmatan lil alamin* boleh difahami melalui kenyataan Said bin Jubair dari Ibnu Abbas, beliau berkata, “Nabi Muhammad SAW ialah rahmat bagi seluruh manusia. Bagi yang beriman dan membenarkan ajaran baginda akan mendapat kebahagiaan. Bagi yang tidak beriman, diselamatkan daripada bencana yang menimpa umat terdahulu seperti ditenggelamkan ke dalam bumi atau ditenggelamkan dengan air.”

Menurut Imam Muhammad bin Jarir At-Tabari, pada ulama tafsir berbeza pandangan tentang maksud *Rahmatan lil Alamin* sama ada rahmat kepada orang beriman sahaja atau rahmat kepada orang beriman

dan kafir. Sebahagian ahli tafsir berpendapat yang dimaksudkan ialah seluruh manusia termasuk orang beriman dan kafir. Sebahagian ahli tafsir pula kepada orang beriman.

Menurut Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, *Rahmatan lil Alamin* bermaksud Nabi Muhammad SAW diutus oleh Allah SWT kepada penduduk dunia seluruhnya sebagai rahmat dan nikmat yang besar. Sesiapa yang beriman dan menurut syariat Islam akan selamat dunia dan akhirat dan sesiapa yang kufur ingkar akan celaka di dunia dan akhirat.



MANIFESTASI NILAI RAHMAH DALAM KEHIDUPAN

Sebagaimana luasnya rahmat Allah SWT kepada semua makhluk, sebegitu juga luasnya nilai Rahmah dalam kehidupan. Jika anda tercari-cari, contoh nyata menterjemahkan nilai rahmat, semuanya telah ditunjukkan dengan jelas melalui akhlak Nabi Muhammad SAW.

Berakhlak Mulia

Firman Allah dalam surah Al-Ahzab, ayat 21 bermaksud:

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik.”

Daripada Abu Hurairah RA, Nabi Muhammad SAW bersabda bermaksud,

“Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.” (Riwayat Imam Ahmad).

Rahmah kepada Orang Jahil

Anas bin Malik RA berkata, “Tatkala kami berada di masjid bersama-sama Rasulullah SAW, tiba-tiba datang seorang Arab Badwi, lalu kencing di dalam masjid. Lalu para sahabat Rasulullah berkata, “Berhenti, berhenti.”

Rasulullah bersabda, “Jangan mengherdiknya, biarkan dia.” Lalu para sahabat membiarkannya sehingga dia puas kencing. Kemudian Rasulullah memanggilnya dan berkata, “Masjid ini tidak sesuai dengan sesuatu perbuatan seumpama kencing dan kekotoran. Masjid ialah tempat untuk mengingati Allah, solat, membaca Al-Qur'an.” atau seumpama itu yang dikatakan oleh Rasulullah. Anas berkata lagi, lalu Rasulullah menyuruh salah seorang sahabat membawa air, lalu dia mencurahkan air ke atas tempat kencing tadi.” (Riwayat Muslim)

Rahmah kepada wanita

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda bermaksud,

“Orang-orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya, dan yang terbaik antara mereka adalah yang terbaik terhadap isteri-isterinya.” (Riwayat Ahmad)

Rahmah kepada kanak-kanak

Al-Aqra' bin Habis suatu ketika melihat Nabi Muhammad SAW sedang mencium cucu baginda, maka dia berkata yang bermaksud, “Saya memiliki 10 orang anak, namun saya belum pernah melakukan hal ini kepada seorangpun antara mereka.” Maka Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya sesiapa yang tidak menyayangi, maka dia tidak akan disayangi.” (Riwayat Ahmad).

Rahmah kepada warga emas

Daripada Anas bin Malik RA bahawa telah datang seorang tua kepada Nabi Muhammad SAW, dan orang ramai melambatkan pergerakan untuk memberikan ruang kepadanya. Lalu baginda bersabda, “Bukanlah daripada golongan kami orang yang tidak mengasihi kanak-kanak dan tidak menghormati orang dewasa.” (Riwayat At-Tirmizi)

Rahmah kepada Haiwan

Daripada Ibnu Umar RA, Nabi Muhammad SAW bersabda bermaksud: “Seorang wanita masuk ke neraka kerana dia mengikat seekor kucing, tidak memberi makan kepadanya dan tidak melepaskannya mencari makan daripada sisa buangan.” (Riwayat al-Bukhari)

Rahmah kepada alam sekitar

Nabi Muhammad SAW bersabda bermaksud: “Jangan seseorang daripada kamu kencing di dalam air yang bertakung, kemudian mandi daripada air itu.” (Riwayat At-Tirmizi)

Rahmah kepada bukan Islam

Nabi Muhammad SAW bersabda, “Jibril sentiasa mewasiatkan aku untuk berbuat baik kepada jiran sehingga aku menyangka dia akan dapat mewarisi daripadaku.” (Muttafaqun ‘Al laih)

Perkataan jiran di sini bermaksud umum sama ada jiran Muslim maupun bukan Muslim. Ini merupakan toleransi dan hormat menghormati dalam Islam atas dasar rahmat kepada seluruh alam.



APLIKASI KONSEP RAHMAH DALAM URUS TADBIR

Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum, etnik, bahasa, budaya dan agama. Kendatipun di Malaysia wujud kepelbagaiannya yang kompleks, namun keharmonian dan perpaduan sentiasa terpelihara serta terjamin melalui persefahaman bersama dan menjunjung prinsip keadilan. Prinsip adil sentiasa diutamakan oleh Islam sebagai asas utama konsep Rahmah dalam bernegara.

Firman Allah dalam Surah Al-Maidah, ayat 42 bermaksud:

“....Dan jika engkau (wahai Muhammad) menghukum, maka hukumlah antara mereka dengan adil, kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.”

Menyedari hakikat kepelbagaiannya anugerah Allah SWT kepada Malaysia, satu formula yang sesuai dengan konteks Malaysia iaitu Model Negara Rahmah. Sebuah negara yang berintegriti, tadbir urus yang baik, mengamalkan kedaulatan prinsip hukum, masyarakatnya berilmu, berakhhlak, saling hormat-menghormati, adil dalam mengagihkan kekayaan negara dan memastikan pembangunan lestari.

Gagasan *Rahmatan Lil Alamin* dan *Maqasid Syariah* menjadi asas kepada negara Malaysia kini dalam usaha menjadi model sebuah Negara RAHMAH berdasarkan kerangka Perlembagaan yang mengamalkan

demokrasi berparlimen, kepelbagaian agama dan kaum serta mengambil kira *waqi'* (keadaan) yang mampu menjadi contoh kepada negara-negara lain sebagaimana Titah Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah semasa merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen ke-14 :

“Beta amat menyokong usaha kerajaan untuk mempromosikan nilai dan budaya Islam melalui pendekatan *rahmatan lil alamin* dan *maqasid syariah* berdasarkan ajaran Islam sebenar yang diterjemahkan melalui tingkah laku dan keperibadian unggul rakyat Malaysia.”

Falsafah dan Matlamat Kerajaan


Komitmen pentadbiran kerajaan baharu dalam memastikan akar kepada ajaran Islam sebenar dapat direalisasikan terkandung dalam Falsafah dan Matlamat Pentadbiran dalam Buku Harapan, halaman 9:

“Falsafah pentadbiran Pakatan Harapan adalah berdasarkan falsafah dan lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, visi yang telah dibawa oleh para pejuang negara, agenda reformasi berterusan dan idea-idea pembangunan yang progresif dan demokratik, sesuai dengan realiti zaman moden dan mendepani cabaran-cabaran akan datang. Matlamat ini terangkum dalam Maqasid Syariah yang memandu program pembangunan negara yang akhirnya memberi rahmat dan keadilan untuk seluruh rakyat Malaysia.”

Selaras dengan ketegasan kerajaan tersebut, Gagasan Negara Rahmah dilihat sangat inklusif dan mampu mengembalikan ajaran Islam sebenar dan menjadi model yang progresif bagi mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan hidup rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini.

Tiga Teras Model Negara Rahmah

Terdapat tiga teras utama pembinaan negara Rahmah yang menjadi batu asas menjayakan hasrat ini, iaitu :




Bagi memudahkan kefahaman dan penghayatan Model Negara Rahmah ini, enam nilai dibentuk untuk menterjemahkan ekosistem pentadbiran Negara Rahmah, iaitu:

1	R (RAMAH)	Pentadbiran yang membawa mesej santun, prihatin dan peduli.
2	A (AMAN)	Pentadbiran yang membawa mesej keamanan, keadilan dan kesejahteraan.
3	H (HARMONI)	Pentadbiran yang menghargai kemajmukan, melestarikan hidup dalam kedamaian serta menjaga hubungan antara kaum dan agama.
4	M (MESRA)	Pentadbiran yang menyediakan keselesaan perkhidmatan kepada semua lapisan masyarakat, memberikan kemudahan tanpa mengetepikan kelompok minoriti dan berinteraksi dengan semua pihak.
5	A (ALAMI)	Pentadbiran yang membudayakan gaya hidup mesra alam, memelihara dan mengamalkan penjimatan tenaga dan cinta alam.
6	H (HORMAT)	Pentadbiran yang mempunyai nilai prinsip kemanusiaan, kepelbagaian agama dan membina keperibadian yang dihormati sesuai dengan kemuliaan insan.

“Pendekatan konsep Rahmatan lil Alamin dalam pelaksanaan Islam di Malaysia tidak membawa maksud kerajaan akan berlembut dengan perbuatan mungkar atau bertentangan dengan ajaran Islam. Ada pihak yang melihat Konsep Rahmatan lil Alamin sebagai pendekatan lembut atau kononnya mengiktiraf pihak yang cuba menjatuhkan imej Islam. Kita harus tahu bahawa ada perbezaan antara mengiktiraf dan menyantuni. Daripada situ, barulah kita dapat memahami pendekatan Rahmatan lil Alamin atau rahmat kepada semua yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dalam konteks yang lebih luas.”

*Petikan ucapan YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof
Menteri di Jabatan Perdana Menteri*



TUJUH KLUSTER PELAKSANA AGENDA RAHMAH DALAM PENTADBIRAN ISLAM

Agenda RAHMAH yang sangat luas telah disusun mengikut kluster agensi-agensi agama bagi memastikan pelaksanaan ini berstrategik dan memberi impak. Sebanyak tujuh kluster dibentuk, iaitu:

A. Kluster Perundangan dan Kehakiman Syariah

Memperkasa perundangan dan kehakiman syariah melalui reformasi berterusan pentadbiran kehakiman, penggubalan undang-undang dan peningkatan profesionalisme hakim-hakim syarie.

B. Kluster Pendidikan dan Pembangunan Insan

Membina keperibadian Muslim yang holistik dan inklusif di setiap peringkat dan dalam pelbagai sektor bagi menyumbang kepada cita-cita membina Malaysia Baharu.

C. Kluster Dakwah dan Media

Melahirkan medan dakwah yang inovatif dalam menyampaikan mesej *Rahmatan lil Alamin* melalui platform media yang pelbagai dengan penyelarasan yang efektif.

D. Kluster Sosioekonomi

Memperkasa ekonomi Islam berteraskan keperluan sosial (*social economy*) dalam menangani kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup.

E. Kluster Pengurusan Haji dan Persijilan Halal

Meningkatkan model pengurusan haji menjadi nombor satu di dunia dan meneruskan usaha baik pulih pengurusan Tabung Haji secara menyeluruh serta mempertingkatkan infrastruktur persijilan halal bertaraf dunia.

F. Kluster Pengurusan Masjid

Transformasi masjid mengikut acuan R.A.H.M.A.H melalui pengurusan *qaryah* yang efisyen dan program yang menyumbang kepada melahirkan masyarakat yang aman dan sejahtera.

G. Kluster Penyelidikan dan Budaya *Maqasid*

Membangunkan penyelidikan Islam berdasarkan nilai-nilai *Maqasid* dan menyumbang hasil kajian merentasi pelbagai sektor sehingga dapat melahirkan budaya berfikir *Maqasid* dalam membuat perancangan dan tindakan.

KONSEP NEGARA RAHMAH SELARI DENGAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI

Di peringkat antarabangsa, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Sidang Kemuncak Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pembangunan Lestari yang berlangsung di New York, Amerika Syarikat pada 25 hingga 27 September 2015 telah memperkenalkan 17 Matlamat Pembangunan Lestari yang disebut sebagai *17 Sustainable Development Goals (SDGs)* atau Agenda 2030. 17 matlamat yang digariskan ialah:

1. Matlamat 1: Tiada Kemiskinan
2. Matlamat 2: Tiada Kelaparan
3. Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan
4. Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti
5. Matlamat 5: Kesaksamaan Gender
6. Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi
7. Matlamat 7: Tenaga yang Murah dan Bersih
8. Matlamat 8: Pekerjaan Memuaskan dan Pertumbuhan Ekonomi
9. Matlamat 9: Inovasi Industri dan Infrastruktur
10. Matlamat 10: Pengurangan Ketidaksaksamaan
11. Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Lestari
12. Matlamat 12: Tanggungjawab Penggunaan dan Pengeluaran

13. Matlamat 13: Tindakan Berkaitan Iklim
14. Matlamat 14: Kehidupan di bawah Air
15. Matlamat 15: Kehidupan di atas Tanah
16. Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Industri yang Kuat
17. Matlamat 17: Kerjasama untuk Matlamat



Bagi mengintegrasikan matlamat Negara Rahmah dan Matlamat SDGs di peringkat antarabangsa, satu pendekatan yang komprehensif iaitu pendekatan *Maqasid Syariah* yang bersifat sejagat, inklusif dan dinamik digunakan untuk memastikan rahmat dan kesejahteraan negara dicapai. Lima prinsip *Maqasid* Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mengandungi nilai teras tadbir urus (*value based governance*) ke arah mencapai matlamat kehidupan dan tadbir urus yang mampan dan lestari.

Prinsip 1 – Menjaga Agama

Prinsip ini berteraskan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan dan menjadi tonggak utama kesejahteraan sejagat.

Prinsip 2 – Menjaga Nyawa

Prinsip ini memastikan setiap rakyat Malaysia dijamin keselamatan dan keamanan, menikmati kemudahan dan pembangunan yang inklusif dan mengelakkan apa jua kemudaratan, termasuk kepada haiwan serta alam sekitar.

Prinsip 3 – Menjaga Akal


Prinsip ini menekankan setiap rakyat berhak mendapat pendidikan arus perdana yang holistik dan komprehensif. Selain itu, larangan terhadap perkara yang boleh merosakkan fungsi akal dan meruntuhkan budaya serta keilmuan bagi menjamin kesejahteraan hidup.

Prinsip 4 – Menjaga Keturunan

Prinsip ini menjaga maruah, kehormatan dan kesihatan setiap rakyat diutamakan, di samping kebajikan kepada warga emas, anak yatim, ibu tunggal, kanak-kanak dipelihara bagi melindungi generasi masa hadapan.

Prinsip 5 – Menjaga Harta

Prinsip ini penting untuk menghalang segala bentuk penindasan, amalan riba, penipuan, rasuah, monopoli dan segala bentuk penyelewengan serta menjaga khazanah negara dengan baik.






PENUTUP

Tadbir urus menurut Islam adalah berteraskan maslahah rakyat dan menjadikan kesejahteraan negara sebagai keutamaan. Kakitangan awam di setiap peringkat perlu memastikan setiap perancangan dan pelaksanaan adalah untuk memenuhi *maslahah* dan menghindarkan *mafsadah*.

Ini hanya berlaku apabila setiap perancangan dan pelaksanaan aktiviti itu memberi kesan positif terhadap rakyat dan menzahirkan nilai rahmat kepada semua tanpa mengira bangsa dan agama.



RUJUKAN

Al-Quran al-Karim, Abdullah Basmeih, 2013, Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran, Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.

Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, 1993, Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal, Beirut: Muassasah al-Risalah

Ahmad bin Ali bin Hajar Al-Asqalani, 2000, Fathul Bari Syarh Sahih al-Bukhari, Dimasyq: Maktabah Dar al-Fiha'

Muhammad Said Ramadhan al-Buti, 1999, Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah, Kaherah: Dar al-Salam.

Ibn Kathir, 2000, Tafsir Al-Quran Al-Azim, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi

Muhammad Ali Al-Sobuni, 1997, Sofwah Al-Tafasir. Riyadh Daudi Arabia: Dar al-Salam.

Rahmatan lil Alamin : Konsep dan Penjelasan, 2019, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Tadbir Urus Berteraskan *Maqasid* Syariah, 2019, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Gagasan Rahmatan lil Alamin, 2019, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

<https://sustainabledevelopment.un.org>

KONSEP
RAHMAH
DALAM
TADBIR URUS

Malaysia merupakan negara berbilang agama dan kaum, namun agenda pentadbiran dan pembangunan ummah dapat dijayakan secara harmoni hingga dapat membawa kemakmuran kepada rakyat dan negara. Kepelbagaiannya kaum, agama dan budaya di Malaysia bukanlah satu ancaman, tetapi satu anugerah yang tidak ternilai. Bukti rakyat Malaysia boleh hidup dengan aman dan damai lebih 60 tahun dan pertukaran kerajaan berlaku dalam keadaan aman dan damai.



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
جَاْمِعَةِ الْإِسْلَامِ الْمَالَيْسِيَّةِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA